

SUKAN SEA/ Taekwon-do/Silat

Kejayaan empat³ peserta elit janjikan cabaran

9 AUG 1988

B. Harlan (M)

KEJAYAAN empat peserta elit taekwon-do dan seorang pesilat Angkatan Tentera Malaysia menyertai skuad Sukan SEA '89 di Kuala Lumpur adalah paling cemerlang bagi sukan mempertahankan diri musim ini.

Mereka ialah Zainal Abiddin Mustapha (*feather*), Musa Talib (*walter*), Mazlan Shaari (*middle*), Rashid Che Omar (*heavy*) dan pesilat Kelas Bebas, Azam Mokhtar.

Kejayaan mereka memenangi pingat emas di Kejohanan Kebangsaan di Sibul, bulan lalu secara langsung dipilih mewakili nega

ra ke Sukan SEA.

Bagaimanapun, Azam gagal merebut emas apabila perlawanan akhir Kelas Bebas di Kejuaraan Silat Kebangsaan di Port Dickson pada 2 Ogos lalu, digantung berikutan krisis yang nyaris mencetuskan pergaduhan.

Setiausaha Persatuan Seni Mempertahankan Diri ATM (PSMDATM), Mejar Zolkefli Daud, berkata pencapaian cemerlang mereka musim ini adalah hasil kesungguhan ketika menjalani latihan.

Katanya, ATM mencatat sejarah apabila menjuarai Kejohanan Kebangsaan selepas meraih empat pingat emas, satu perak dan tiga gangsa.

"Kejayaan ini menguatkan lagi azam kami meningkatkan latihan bagi melahirkan ahli sukan yang berwibawa," katanya.

Mejar Zolkefli berkata, selain kejayaan empat peserta elit itu, ATM berjaya melahirkan beberapa pesilat sekalipun tidak dapat bertanding atas tiket ATM.

Katanya, mereka sebaliknya mewakili Pertubuhan Silat Gayong Fatani, Melaka dan Kedah.

"Saya akan pastikan kami dapat bertanding atas tiket sendiri tahun depan apabila selesai rundingan dengan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) nanti," ujarnya.

Menurut beliau, apa yang membanggakan ATM ialah kejayaan Masmawati Mohamad mengutip perak dan Zainab Ahmad, gangsa.